



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN BELUM STABIL, NASIONAL, BH -14 'PUNCA KUASA ISU PADI, BERAS BERGANTUNG KPKM', NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6. 7. 8.	'HARGA AYAM NAIK TAPI TAK MELEPASI HARGA SILING', NASIONAL, BH -14 SUPPLY, PRICE OF CHICKEN STABLE, SAYS MINISTER, NATION, THE STAR -10 HARGA BEKALAN AYAM DI PASARAN STABIL, LOKAL, HM -22 BEKALAN, PASARAN AYAM STABIL, NEGARA, KOSMO -6 'HARGA AYAM NAIK 30 SEN MASIH BELUM LEPAS SILING', NASIONAL, SH -6 HARGA DAN BEKALAN AYAM STABIL - MAT SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9.	UDANG KARA ANCAM PERAIRAN MUAR, NEGERI JOHOR, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12.	PESAWAH HAIRAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 100 HEKTAR 'KERING', LOKAL, HM -3 TIGA EMPANGAN MASIH MAMPU TAMPUNG KEPERLUAN, LOKAL, HM -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14.	AGROBANK AGIH 11,100 BUBUR LAMBUK, NEGARA, KOSMO -13 MEDIA MULIA, AGROBANK AGIH 1,000 PEK BUBUR LAMBUK, DALAM NEGERI, UM -4	AGROBANK
15. 16. 17. 18. 19. 20.	CALL FOR GOV'T TO PROTECT LOCAL VEGETABLE SECTOR, NEWS, THE STAR -5 MELAKA KELUAR BENIH PADI, LOKAL, HM -20 NACCOL AKAN BINCANG ISU BEKALAN SAYUR KURANG, HARGA NAIK, NASIONAL, BH -8 SYOR TUBUH PASUKAN KHAS TANGANI SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -8 PETANI TEMBIKAI BOLEH DAPAT RM1 JUTA, NEGARA, KOSMO -16 PESAWAH BAKAL GUNA BENIH PADI MR297, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Supply, price of chicken stable, says minister

Mohamad: Price controls for eggs to also continue

KUALA LUMPUR: The supply of chicken is currently stable and this has added to its price stability, the government announced.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said, according to a four-month survey by the Veterinary Services Department (DVS), the cost of chicken at farms across the peninsula was stable on average.

He said the price recorded last November was RM5.86 per kg, December (RM6.39), January (RM6.13), and February (RM6.03/kg).

Mohamad said this in the Dewan Rakyat yesterday, Bernama reported.

Bayan Baru MP Sim Tze Izin wanted to know whether the price of chicken had risen sharply or if there was a shortage of supply in the market after the abolition of subsidies and price controls, and whether subsidies for grades A, B and C eggs would continue.

Mohamad said subsidies and price controls for the eggs would continue using the existing mechanism, and any policy change will take into account all factors, especially the current supply trend.

To a supplementary question from Sim, who wanted to know whether the government will

use the Approved Permit mechanism again to control the supply of chicken to prevent dumping, Mohamad said that the decision on whether the government will restrict the import of chicken or otherwise depends on market conditions. "... the price of chicken is relatively stable, and the import price of corn and soy has also been relatively stable recently.

"We believe it will be more stable if the ringgit gradually strengthens, and our ringgit has started to strengthen," he added.

Last October, Mohamad announced that the government had agreed that subsidies and price control for chicken would be completely discontinued in November.

He said chicken eggs graded A, B, and C will, however, continue using existing subsidy mechanisms.

The minister had said that since February 2022, the government had spent RM3.8bil on egg and chicken subsidies.

The rationale for ending subsidies in bulk for chicken is to reduce the leakage of subsidies, Mohamad said. The minister added that the end of chicken price controls was also to support the sustainability of the local chicken production industry.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	22

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan harga ayam yang dijual di pasaran adalah stabil.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia adalah hasil pemantauan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang dibuat secara bulanan.

"Bekalan ayam juga pada masa kini adalah stabil dan

Harga, bekalan ayam di pasaran stabil

faktor ini turut menyumbang kepada kestabilan harga ayam semasa," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) adakah harga ayam naik mendadak atau menghadapi kekura-

ngan bekalan di pasaran selepas pemansuhan subsidi dan kawalan harga.

Tze Tzin turut bertanyakan adakah subsidi telur gred A, B dan C akan diteruskan.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, bagi purata harga ayam di ladang yang

direkodkan di Semenanjung Malaysia pada November tahun lalu, ia berada pada paras RM5.85 sekilogram dan Disember 2023 pula ialah RM6.39 sekilogram.

Bagi Januari 2024, purata harga ayam adalah RM6.13 sekilogram dan pada Februari 2024 pula, RM6.03

sekilogram.

Katanya, kerajaan berbandangan, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C diteruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada.

"Sebarang perubahan dasar akan mengambil kira semua faktor khususnya

trend bekalan semasa.

"Kerajaan akan sentiasa memantau pengeluaran di peringkat ladang bagi memastikan bekalan telur mencukupi, khususnya ketika musim perayaan.

"Kerajaan juga akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan bekalan telur di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membebankan rakyat," katanya.

Bekalan, pasaran ayam stabil

KUALA LUMPUR – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekalan ayam ketika ini stabil dan faktor itu menyumbang kepada kestabilan harga semasa.

Katanya, pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menunjukkan purata harga ayam di ladang yang direkodkan di seluruh Semenanjung selama empat bulan sejak November 2023 adalah stabil.

Mohamad turut memberitahu, biarpun terdapat laporan mengatakan harga ayam naik, namun situasi berkenaan masih terkawal kerana tidak melepasi harga siling RM11.40 per kilogram (kg).

Menurutnya, pihaknya akan mengadakan pemantauan berterusan bagi memastikan harga ayam tidak naik mendadak seterusnya membebaskan pengguna.

"Kita akanantau dan buat laporan. Kenaikan 30 sen? tetapi kalau dari RM5.30 naik 30 sen, belum mengatasi paras siling sebelum ini. Ertinya di pasaran kita pantau," katanya.

Beliau menjawab soalan Nurul Armin Hamid (**PN-Padang Terap**) yang membangkitkan mengenai laporan 'Kosmo'. "Sudah 3 kali harga ayam naik, setiap kali naik 30 sen."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

'Harga ayam naik 30 sen masih belum lepas harga siling'

KUALA LUMPUR - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengukir terdapat laporan kenaikan harga ayam sebanyak 30 sen, namun situasi itu masih terkawal ekoran tidak melepasi harga siling RM11.40 per kilogram (kg).

Ahli Parlimen Kota Raja itu menjelaskan, pihaknya bersama Kementerian berkaitan akan terus menjalankan pemantauan bagi memastikan harga ayam tidak naik mendadak hingga membebaskan rakyat.

"Libat urus sentiasa diadakan. Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (DVS) memantau. Dalam laporan bulanan, harga ayam agak stabil jika dibandingkan dengan harga yang kita letak dulu iaitu harga siling RM11.40. Setakat ini belum lagi mencecah ke arah itu.

"Kalau di (pasar raya) Mydin masih lagi dijual dengan harga bawah RM9, kadang-kadang RM7.90, kadang-kadang RM8. Umumnya kalau ada poket (premis) tentu (yang jual) mahal, itu bukan kerana dasar umum.

"Kita akan pantau dan buat laporan,

kenaikan 30 sen kalau daripada RM5.50 naik 30 sen, maknanya ia belum mengatasi harga siling yang kita pernah tetapkan. Di pasaran kita pantau berterusan, libat urus diadakan sentiasa sama ada dengan pen-termak kecil atau besar," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan **Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap)** mengenai laporan harga ayam naik 30 sen sebanyak tiga kali yang bercanggah dengan kenyataan ke-menterian bahawa ia agak stabil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/3/20234	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Harga dan bekalan ayam stabil – Mat Sabu



Harga ayam segar yang dijual sekilogram RM9.40 selepas kerajaan mengumumkan penamatan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula berkuat kuasa hari ini ketika di Pasar Moden Seri Muda, Shah Alam.

KUALA LUMPUR – Harga dan bekalan ayam di negara ini kini stabil, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad

Sabu.

Ia adalah hasil pemantauan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang dibuat secara bulanan.

“Bekalan ayam juga pada masa kini adalah stabil dan faktor ini turut menyumbang kepada kestabilan harga ayam semasa,” jawab Mohamad kepada pertanyaan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) di Dewan Rakyat, hari ini.

Mohamad berkata, secara perbandingan harga ayam bagi Februari adalah RM6.03 sekilogram berbanding RM6.13 sekilogram bagi bulan Januari.

Sejak November tahun lalu, purata harga ayam adalah RM5.85 sekilogram dan bulan Disember RM6.39 sekilogram.

Manakala Januari tahun ini adalah RM6.13 sekilogram.

Kerajaan telah penamatan sepenuhnya subsidi ayam bermula pada 1 November tahun lalu.

Penamatan subsidi ayam ini telah mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam yang telah mula stabil. – MalaysiaGazette

Udang karaancam perairan Muar

Species Red Claw berasal dari Australia semakin banyak ditemui

Oleh **NOR AZURA MD AMIN**
MUAR

Spesies udang kara air tawar Red Claw atau Blue Crayfish (*Cherax quadricarinatus*) berasal dari Australia kini dikesan semakin banyak di perairan di sekitar mukim Ayer Hitam, di sini.

Menerusi video tular @Abg Ikan di TikTok, menunjukkan udang kara berkenaan ditangkap dalam jumlah yang besar menggunakan bubu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Zainudin Abd Wahab berkata, udang kara air

tawar tersebut merupakan spesies invasif yang akan memakan telur ikan serta anak ikan yang ada di perairan sesuatu tempat.

Jelasnya, Jabatan Perikanan memandang serius kemasukan spesies tersebut dan langkah berjaga-jaga dilakukan bagi memastikan spesies tersebut tidak invasif dan menjadi pemangsa kepada spesies tempatan sekiranya ia terlepas ke perairan luar.

"Untuk pengetahuan, akibat mudahnya udang kara air tawar ini membiak, spesies ini telah memenuhi kebanyakan perairan ini seterusnya telah mengancam spesies asal di perairan ini.

"Antara spesies yang asal di perairan mukim Ayer Hitam ini adalah keli, haruan, sepat dan pelbagai lagi ikan lain.

"Namun disebabkan udang kara air tawar ini, semua spesies asal telah menjadi sangat kurang dan sukar diperolehi," ujar ketika dihubungi pada Khamis.



Norilham atau dikenali sebagai Abg Ikan@ (kiri) menunjukkan udang kara air tawar yang berjaya ditangkap.



Video tular menunjukkan spesies ini semakin membiak di perairan Ayer Hitam, Muar.



Mempunyai warna yang menarik iaitu kebiru-biruan dan berbintik putih.

Spesies ini paling sesuai hidup di air tawar dalam keadaan pH7.

Saiz matang udang ini adalah dalam lingkungan 8 hingga 14 inci.

Ia diperkenalkan di seluruh dunia sebagai spesies peiharaan dan industri akuakultur.

dikenal pasti akan datang untuk membeli hasil tersebut.

"Cadangan lain dibangkitkan termasuklah mempelbagaikan ia sebagai menu masakan supaya lebih ramai minat dengan hidangan udang kara air tawar ini," katanya.

untuk menghapuskan populasi udang kara air tawar tersebut.

Antaranya bekerjasama dengan penduduk mengumpulkan udang kara yang ditangkap dan menjualnya kepada peraih yang

Menurut beliau, Pejabat Perikanan Daerah Muar bersama Kelab Alam Sekitar Seri Sempadan dan Abg Ikan@ Norilham Hakim telah me-

laksanakan pelbagai kempen

Hasil tuaian sama setiap tahun tetapi beras tempatan tiada di pasaran

Pesawah hairan

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD,
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan
AHMAD FADHULLAH ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Pesawah di negara ini hairan dengan kehilangan beras tempatan di pasaran walaupun jumlah tuai padi di seluruh negara hampir sama setiap tahun.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengerusi Badan Bertin-

dak Petani, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, ketiadaan beras tempatan di pasaran seolah-olah menggambarkan para petani langsung tidak menuai sebarang hasil atau tidak sampai lima peratus pengeluaran.

Sedangkan kata beliau, pesawah di kawasan MADA sahaja menyumbang kepada lebih 30 peratus pengeluaran padi negara.

"Jumlah pengeluaran padi

sama, atau mungkin ada kurang sedikit sebab faktor penyakit dan sebagainya.

"Tetapi pengeluaran lima ke tujuh tan metrik setiap hektar sawah sepatutnya sudah boleh menampung permintaan beras tempatan.

"Jadi, sebagai petani kami sendiri agak pelik dan terus tertanya-tanya, mengapa pengeluaran masih susah untuk beli beras tempatan berbanding beras

import yang penuh di rak jualan pada harga RM40 sekampit," katanya.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran menimbulkan tanda tanya, ke mana hilangnya hasil yang dikeluarkan para petani negara ini yang jumlahnya sekitar 1.6 juta tan metrik setahun.

Bersambung di muka 2



Juadah terbuka

KETUA Pegawai Eksekutif Agribank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin (kanan) mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai sempena program Kongsi Berkat Bubur Lambuk anjuran Bank itu dan Media Mulla Sdn. Bhd. di Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak di Setapak, Kuala Lumpur semalam. — UTUSAN/FARIZ RUSADIO (Berita di muka 4)

Pesawah hairan

Dari muka 1

Senario sekarang seolah-olah menggariskan Malaysia mengimport beras 100 peratus kerana yang dijual di kedai semasa diabelkan sebagai import sedangkan realitinya ia hanya sekitar satu juta tan metrik atau kira-kira 40 peratus.

Hakikatnya pengeluaran beras tempatan merokodkan pada 2019 sebanyak 1,516,341 tan metrik beras putih tempatan manakala pada 2020 sebanyak 1,624,468 tan metrik. Pada 2021 pula, sebanyak 1,686,368 tan metrik; 2022 seban sehingga Oktober 2023 adalah 1,181,911 tan metrik.

Che Ani menjelaskan, alasan kekurangan beras tempatan disebabkan kegiatan memborong makanan ruji itu termasuk oleh pihak yang memberi bantuan tidak dapat diterima.

"Mengapa kali ini krisis beras tempatan teruk sangat sehingga ada peniaga tidak dapat bekalan itu, ke mana perginya padi yang petani jual selama ini?"

"Sekiranya faktor memborong beras sebagai punca utama ketiadaan beras tempatan di pasaran, kerajaan perlu wujudkan peraturan yang lebih jelas agar kegiatan itu dihentikan bagi memberi laluan kepada pengguna untuk mudah membeli beras tempatan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd Shazwan Suban mencadangkan kerajaan mewujudkan sebuah jabatan baharu atau memberi tanggungjawab kepada mana-mana agensi bagi mengendalikan sepenuhnya urusan beras negara.

Menurutnya, isu ketiadaan beras tempatan tidak sepatutnya berlaku memandangkan pesawah telah membangkang hasil padi secukup-

nya setiap tahun. Namun katanya, apabila sampai di peringkat kilang atau pemborong besar didakwa telah berlaku manipulasi dengan mencampurkan beras tempatan dan import seterusnya dijual pada harga beras import bagi mengaut untung lebih tetapi pengguna menjadi mangsa.

Justeru, ujar beliau, kerajaan perlu mengambil peranan penuh dalam menguruskan hal berkaitan beras agar isu manipulasi atau kartel-kartel dapat dibanteras.

"Apabila agensi di bawah kerajaan sendiri menguruskan urusan berkaitan beras, ia akan menjadi lebih mudah. Jika berlaku sebarang isu boleh terus kepada kerajaan, tidak perlu melalui banyak pihak lagi.

"Dahulu tidak pernah atau amat jarang sekali berlaku isu ketiadaan beras tempatan di pasaran ini. Sekarang hanya beras import ada di pasaran sedangkan pengeluaran beras kita adalah sehingga 60 peratus dengan 40 peratus import," katanya.

Tambah Mohd. Shazwan, di peringkat pesawah tidak ada masalah dari segi pembekalan hasil meskipun terpaksa berdepan pelbagai cabaran seperti isu benih dan sebagainya.

"Selainnya di peringkat kilang dan pemborong inilah yang berlaku manipulasi dengan campuran beras ini. Ia bukannya malah sering kali dibangkitkan pelbagai pihak, namun tiada sebarang tindakan diambil," ujarnya.

Dalam pada itu, tambahnya, cadangan memperkenalkan gred tunggal beras boleh diharapkan namun harganya diharapkan tidak terlalu tinggi hingga boleh membebankan pengguna. Sementara itu, Bendahari Agung Gabungan Persatuan-

Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin mahu kerajaan perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan bekalan beras tempatan mencukupi terutama menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Ujarnya, inisiatif itu perlu bagi mengurangkan beban orang ramai.

Beliau menambah, ni kerana mereka sudah bergelut dengan persiapan musim perskolahan serta sambutan Ramadan.

"Kita harap sangat beras tempatan dibekalkan sebelum tiba perayaan kritikal selepas sebulan puasa. Kerajaan sudah boleh buat persediaan untuk bekalkan. Sekarang sudah minggu pertama Ramadan, lagi beberapa minggu tiba Syawal," katanya.

Beliau menyifatkan rakyat sudah penat bersuara dengan isu dihadapi berkaitan bekalan beras tempatan, namun tiada sebarang tindakan dilihat diambil sehingga hari ini.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia, Dr. Lee Nan Sang pula menyarankan kerajaan wajib mengambil langkah atau inisiatif lebih berkesan termasuk meningkatkan keluaran hasil tanaman padi tempatan supaya bekalan dan harga beras lebih rendah.

Beliau memberitahu, isu harga beras yang masih belum ada penyelesaian muktamad menjadi kebimbangan kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

"Saya harap kerajaan ada satu solusi untuk menyelesaikan harga beras putih import dalam masa singkat," katanya. Jelsnya, kerajaan juga wajib mengambil berat masalah dihadapi pesawah serta peniaga kecil dalam tempoh jangka masa panjang.

15/3/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

3

100 HEKTAR 'KERING'

Cuaca panas berpanjangan jejas sawah padi bergantung harap hujan, air bukit

Oleh Noorzura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Dianggarkan kira-kira 100 hektar kawasan sawah yang bergantung kepada sumber air

hujan dan air bukit terjejas di seluruh negara akibat cuaca panas yang melanda ketika ini.

EXCO Pertubuhan Persekuteraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, cuaca panas berpanjangan memberi kesan kepada tana-

man padi kerana boleh menyebabkan air di sawah berkurangan sehingga petani sawah menjadi kering.

Katanya, keadaan itu akan menjejaskan perkembangan pokok padi dan apabila keadaan menjadi semakin teruk, padi akan terbanat dan buahnya

menjadi hampa atau tidak berisi.

"Kami mula menerima aduan padi terbanat ini memabotkan pesawah di Perak, Negeri Sembilan dan Melaka apabila mereka tidak dapat menuai padi mengikut jadual tanaman.

"Rata-rata tanaman mereka sudah berusia lebih dua bulan, tapi mereka terpaksa membiarkannya di sawah kerana pokok padi tidak mengeluarkan buah kerana sawah terlalu kering.

"Dianggarkan jumlah pesawah yang terjejas adalah 50 orang, dalam keadaan ini mereka terpaksa menanggung kerugian tinggi kerana sudah mengeluarkan modal untuk menanam padi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdul Rashid berkata, walaupun kes itu tidak membabitkan ramai pesawah, namun ia tidak boleh dipandang ringan mereka yang terbanat turut menyumbang kepada ketertarikan keselamatan ma-

kanan negara.

Katanya, kerajaan perlu melihat perkara ini dengan serius apabila terdapat ramalan bahawa musim panas akibat fenomena El Niño kali ini dijangka berlarutan lebih lama.

"Cuaca panas akan menyebabkan sumber air bertambah terhad dan lebih ramai pesawah akan terjejas, pesawah di Lembaga Kemajuan Pertanian Kebumu (Kada) turut mengalami masalah sumber air kerana ketiadaan sistem pengaliran yang sistematik.

"Masalah seperti ini perlu dikawal dari awal, agensi berkaitan perlu memaikan peranan membantu pesawah yang terjejas sama ada melalui naik taraf kemudahan pengaliran atau beri bantuan sewajarnya untuk pesawah bertahan.

"Jika tidak negara akan kehilangan lebih banyak hasil padi untuk musim seterusnya kerana keadaan cuaca panas melampau," katanya.



Tiga empangan masih mampu tampung keperluan

Alor Setar: Paras air tiga empangan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) masih di tahap memuaskan untuk menampung keperluan pengaliran sepanjang fenomena El Niño.

Mada dalam kenyataannya berkata, sehingga semalam takungan Empangan Pedu mencatat 71.84

peratus, Empangan Ab-

tus sebanyak 91.83 per-

atus. Katanya, walaupun paras

penduduk tidak perlu panik berikutan air di empangan itu digunakan untuk menyokong takungan

peratus, Empangan Pedu bagi tujuan pengaliran.

"Empangan Muda tidak salurkan air ke mana-mana terusan, Empangan Muda dan Empangan Pedu ini ber-

kongsi air yang sama, maknanya ada terowong antara kedua empangan ini.

"Empangan Muda nampak tadahan kecil tapi sebenarnya takungan airnya

lebih besar berbanding Empangan Pedu.

"Rakyat tidak perlu panik kerana Empangan Pedu masih mencatatkan takun-

gan yang memuaskan untuk pengaliran dan memulakan musim tanaman padi pada April depan," katanya.

Menurutnya, penggunaan air untuk pengaliran ketika

ini sangat minimum berikutan aktiviti peneaian.

"Tiada isu pengurangan air di Empangan Muda ini disebabkan faktor penggu-

naan air untuk domestik. Empangan Abning yang di-

gunakan untuk sumber air domestik, sehingga sekarang kedudukan takungan air bagi empangan ini sangat baik," katanya.



AHLI kariah surau memasukkan bubur lambuk ke dalam bekas pada program Kongsi Berkat Bubur Lambuk anjuran Agrobank dan Media Mulia di Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak, Kuala Lumpur semalam.



SEBANYAK 1,000 pek bubur lambuk disediakan kepada orang ramai pada Program Kongsi Berkat Bubur Lambuk semalam.

Beri peluang kepada kakitangan santuni komuniti seluruh negara sepanjang Ramadan

Agrobank agih 11,100 bubur lambuk

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Bagi memarahkan Ramadan tahun ini, Agrobank mengambil inisiatif untuk mengagihkan 11,400 pek bubur lambuk secara percuma kepada orang ramai di seluruh negara melalui cawangan-cawangan institusinya di setiap wilayah bermula semalam.

Presiden dan Ketua Pega-

wai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, tujuan program tersebut adalah untuk memberi peluang kepada kakitangannya menyantuni komuniti tempatan secara lebih dekat.

Selain itu, katanya, ia juga merupakan salah satu khidmat sosial oleh Agrobank untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Selain membantu mereka, Agrobank juga ingin bersama-

sama mengimarahkan sambutan Ramadan bersama masyarakat dan berkongsi rezeki untuk dinikmati," katanya.

Beliau ditemui semasa program pengagihan 1,000 pek bubur lambuk sempena program Kongsi Berkat Bubur Lambuk anjuran Agrobank dengan kerjasama Media Mulia Sdn. Bhd. di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di sini semalam.

Turut hadir Ahli Lembaga Pen-

garah Agrobank, Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal dan Pengarah Urusan/Pengarang Kumpulan Media Mulia, Mohamad Azlan Jaafar.

Sesi kacau bubur lambuk diadakan di pekarangan Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak dibantu oleh ahli kariah, kakitangan Agrobank dan penduduk.

Tengku Ahmad Badli berkata, dalam meringankan beban golongan asnaf miskin dan anak yatim sepanjang menjalani bulan

Ramadan, Agrobank turut menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM50,000.

"Agihan zakat kepada kelompok yang memerlukan merupakan komponen penting untuk menjaga kebajikan masyarakat."

"Agrobank prihatin terhadap golongan susah dan sumbangan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban kewangan mereka dalam menjalani kehidupan seharian," jelasnya.

15/3/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4

Media Mulia, Agrobank agih 1,000 pek bubuk lambuk

KUALA LUMPUR: Lebih 1,000 pek bubuk lambuk diagihkan kepada orang ramai menerusi kerjasama Agrobank dan Media Mulia Sdn Bhd. (MMSB).

Program Kongsi Rezeki Bubur Lambuk anjuran MMSB dan Agrobank yang bertujuan mengimarahkan bulan Ramadan itu diadakan di pekarangan Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak di Setapak di sini.

Pengarah Urusan dan Pengarang Kumpulan MMSB, Mohamad Azlan Jaafar berkata, program agihan bubuk lambuk itu adalah anjuran kali kedua pihaknya dalam menyantuni komuniti setempat dengan berkongsi rezeki juadah berbuka.

Bellau juga berharap aktiviti tahunan itu dapat terus dikembangkan setiap tahun meliputi ke seluruh negara.

"Semoga akan datang kita dapat membantu masyarakat mengimarahkan bulan Ramadan," katanya pada program tersebut di sini semalam.

Terdahulu, program itu bermula dengan gotong royong menyediakan bahan dan memasak bubuk lambuk yang melibatkan kariah Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak dan Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, wakil daripada MMSB dan Agrobank seawal pukul 7.30 pagi.



KAKITANGAN Media Mulia bersama Agrobank menuang bubuk lambuk ke dalam bekas pada program Kongsi Berkat Bubur di Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pengagihan bubuk lambuk mula diagihkan kepada komuniti setempat pada pukul 5 petang.

Sementara itu, Ahli Lembaga Pengarah Agrobank, Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal berkata, program tersebut berlangsung di 10 lokasi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak yang berjalan serentak semalam.

Menurutnya, program itu juga merupakan agenda Agrobank dalam memberi semula kepada masyarakat selain daripada pro-

gram perbankan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin berkata, pihaknya menyokong program seperti itu yang dijalankan bersama dengan pihak media seperti *Kosmo*, *Utusan Malaysia* dan sebagainya.

"Kita boleh rangka lebih banyak lagi program pada masa hadapan melibatkan program-program menyantuni masyarakat," jelasnya.

CALL FOR GOVT TO PROTECT LOCAL VEGETABLE SECTOR

Vegetable association appeals for import quota to be restored

THE Malaysian Vegetable Importers Association has urged the government to reexamine policies to ensure that the market and local supply chain is not dominated by foreign-owned companies.

Association chairman Datuk Seri Teh Meng Huat is calling upon the government to protect the interests of local players.

He said that the Covid-19 pandemic, global conflict, and climate change have caused certain countries to reduce or restrict food exports to ensure their domestic food supply, and this move has impacted Malaysia.

"We are aware of the Madani government's efforts in increasing local food production to ensure sufficient food supply in view of the international landscape and geopolitical changes.

"However, the government may not realise that currently more than 60% of vegetable imports in Malaysia are controlled by foreigners who registered their businesses in Malaysia.

"These foreigners include farmers and exporters. This situation is worrying.

"In other words, most of Malaysia's vegetable imports are handled by foreigners, who could control the prices of imported vegetables," said Teh at Techno Fresh Agro Produce's recent annual dinner held at the Kota Permai Golf and Country Club in Shah Alam.

Besides Teh, other guests-of-honour included the company's business associates, industry players and representatives from the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA).

"It is undeniable that not all



Most of Malaysia's vegetable imports are handled by foreigners, who could control the prices of imported vegetables, said Malaysian Vegetable Importers Association chairman Datuk Seri Teh Meng Huat at the Techno Fresh Agro Produce annual dinner.


vegetables can be grown in Malaysia, while some locally grown vegetables are more expensive than the import costs," Teh said.

"Therefore, some vegetables have to be imported to meet the needs of local consumers.

"However, if local farmers are not able to continue planting, we would have to depend on imports in the future, and for sure the market price will be determined by foreign exporters then."

Teh stressed that food security is a matter of national security and should not be in the hands of foreigners.

"The government needs to stop



Techno Fresh Agro Produce held its annual dinner at the Kota Permai Golf and Country Club in Shah Alam recently.

import companies controlled by foreigners from running businesses related to the import, distribution and retail of vegetables.

"Even though we welcome foreign investors, when it comes to food security, we should not let foreigners control our food imports.

"Therefore, we hope the government can review company registration policies and not allow foreigners to register their company that is 100% foreign-owned with a paid up capital without restrictions.

"Some of those companies only need to fork out a few thousands to RM1mil-2mil as paid-up capital.

"We also hope the government can review all food and agriculture policies to help local farmers, vegetable importers, wholesalers and retailers through

upstream-downstream cooperation.

"Only then will we be able to ensure food security in Malaysia."

Teh said the association wants the government to bring back the import quota, especially for round cabbage.

"This is because the import quota of round cabbage is a privilege approved by the World Trade Organisation (WTO).

"In a fiercely competitive environment, there is a possibility that foreign-controlled import companies will dominate the market and in the end, local companies would have to back out," he said.

Teh and some of the association members had paid a courtesy visit to Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu last December and highlighted this matter to him.

"I believe the minister would be able to come up with a policy that can better protect the interests of all parties involved in the vegetable supply chain in the country, just like how he made the brave decision to discontinue chicken subsidy," he said.

From a business standpoint, selling below cost is not a good pricing practice, he added.

"As said by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim: 'Unprofitable businesses will not continue for long.'

"We should ensure the income of all involved parties such as farmers, importers and wholesalers, so that ultimately, consumers can enjoy reasonable prices.

"We need to remember that low prices are not sustainable as no one wants to run an unprofitable business," he said.

Melaka keluar benih padi

Melaka: Melaka bakal menjadi negeri pertama mengeluarkan benih padi sendiri bagi kegunaan pesawahnya susulan projek pembukaan ladang benih padi MR297 membabitkan peruntukan RM300,000 di Merlimau di sini.

Usaha itu kini memasuki peringkat kerja tanah dengan penanaman pertama dijangka dilaksanakan seawal tahun depan.

Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keamanan Makanan, Dr Muhamad Akmal Saleh (*gambar*) berkata, projek di atas tanah seluas 46 hektar itu dijangka dapat mengatasi masalah bekalan beras bagi tempoh jangka panjang memandangkan varieti benih MR297 adalah lasak termasuk mampu bertahan jika berlaku masalah air akibat cuaca panas.

"Ia sudah dalam proses kerja merombak tanah, pekerjaan serta saliran dan dijangka selesai dalam tempoh tiga hingga enam bu-

lan ini manakala penanaman dijangka seawal bulan November nanti dan benih itu boleh dituai sekitar Januari tahun depan dengan hasil pengeluaran benih padi itu mampu digunakan di lebih 1,385 hektar sawah yang terdapat di Melaka.

"Kita positif ladang ini akan memberi peningkatan daripada empat tan kepada enam hingga lapan tan benih bagi satu hektar sawah. Dalam masa sama tahap sara diri (SSL) padi pada 2026 meningkat dari sembilan peratus kepada 15 peratus, sekali gus mengatasi bekalan beras di Melaka malah Malaysia," katanya selepas menyampai-

paikan sumbangan Aidilfitri kepada 120 anak ya-

tim dan asnaf terpilih dari Merlimau, Duyong dan Tangga Batu di sini, semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, projek usaha sama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) itu membabitkan 25 pesawah dan ia menjadi penanda aras baharu dalam pengeluaran benih dan padi di Melaka memandangkan pesawah di negeri itu sukar mendapatkan benih ber-

mutu. "Walaupun banyak kajian dilakukan, pesawah negeri ini masih sukar menghasilkan padi

yang banyak kerana benih digunakan dari jenis 10 tahun lalu. Kami berharap projek ini akan menggalakkan pengeluaran padi bagi tempoh jangka panjang.

"Setakat ini maklum banyak diterima daripada pesawah sangat baik dan suka juga dimaklumkan semula hasil dari penjualan benih padi kepada kilang yang diusahakan pesawah, kerajaan negeri tidak akan ambil sedikit pun. Semua hasil pendapatan kita beri kepada pesawah dan ini adalah antara cara kita bantu mereka," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan beliau berkata, masalah kekurangan air dialami pesawah hingga menjejaskan hasil pengeluaran padi akibat cuaca panas dijangka dapat diatasi apabila projek pengiraan dengan peruntukan RM30 juta siap tahun hadapan. - Bernama



NACCOL akan bincang isu bekalan sayur kurang, harga naik




NACCOL mengambil berat mengenai kemungkinan harga sayur akan melonjak naik keson daripada kekurangan bekalan sayur. (foto: Facebook Sinar/BH)

Masalah dibangkit pihak pengeluar, pengusaha ladang diberi perhatian

Beliau berkata demikian ketika memberi laporan kepada media mengenai pengedaran sayur-sayuran di negara ini. Beliau berkata, menjelang akhir bulan Februari, harga sayur-sayuran telah meningkat mendadak kerana kekurangan bekalan. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat.

Kuala Lumpur: Isu bekalan sayur-sayuran yang semakin berkurangan kerana krisis tenaga kerja, sehingga menyebabkan harga meningkat mendadak, NACCOL akan bincang dengan pihak-pihak yang berkaitan. NACCOL akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.



Syed Abu Husain Hafiz

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Syor tubuh pasukan khas tangani sekuriti makanan

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membentuk pasukan khas untuk menangani sekuriti makanan. Pasukan ini akan bertanggungjawab untuk memastikan bekalan makanan di negara ini selamat dan stabil. Pasukan ini akan terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman dalam bidang sekuriti makanan.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bekalan sayur-sayuran di negara ini cukup untuk memenuhi permintaan rakyat. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk membincangkan masalah ini.

15/8/2024

KOSMO

NEGARA

16

Harga jualan hasil tanaman itu di ladang melonjak pada minggu pertama Ramadan

Petani tembikai boleh dapat RM1 juta


Oleh MOHD. AZI ADLAN

MARANG - Pengusaha bidang tembikai di Terengganu dijangka menjana pendapatan kesetiruhan lebih RM1 juta berkaitan dengan jualan buah tembikai pada Ramadan ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persékutuan (PAMA) Terengganu, Muhammad Padié Hassan berkata, tiga ladang tembikai di daerah Marang dan di negeri lain iaitu Seremban di Selat dijangka mengeluarkan hasil hampir 800 metrik tan sepanjang Ramadan ini.

"Harga jualan tembikai ini tinggi pada awal Ramadan, ini dan dijangka berlarutan sehingga minggu ketiga bulan puasa ini."

"Harga jualan tembikai di ladang juga serendah 80 sen sedikit hingga RM1.50 bagi kuantiti sama pada minggu pertama Ramadan ini," katanya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)



MUHAMMAD FADEE (kiri) meneriksa buah tembikai yang bakal dijual untuk program jual beli FAMA di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Serating, Mirang semalam.

Serating, di sini semalam, dan menjualnya dengan per-jualan jual beli tembikai dengan empat pengusaha melibatkan anggaran hasil 200 tan metrik.

Penjualan tembikai harga ini boleh mencecah sekurang-kurangnya RM2 sekilogram menjelang pertengahan Ramadan ini. Hasil tanaman tembikai di-

hasil tanaman yang mengalahkannya dengan FAMA bukan sahaja untuk pasaran negeri Melaka, tetapi juga ke Lembah Klang.

"Kebertanian hasil tanaman tembikai petani di Pantai Barat masih belum matang untuk dijual," katanya. Ia masih banyak kesempatan tembikai boleh dijual petani di Pantai Timur termasuk Terengganu bagi mematuhi kekurangan bekalan tembikai.



DR. MUHAMMAD AKMAL (tengah) pada Program Simpulan Kasih Ramadan di Melaka keharini.

Pesawah bakal guna benih padi MR297

MELAKA - Pesawah di Melaka akan mencuba benih padi MR297 yang mampu menghasilkan hasil tiga kali ganda berbanding benih padi air, bermula November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhammad Akmal berkata, sekali lagi memulakan pengujian beras di Melaka dapat dipertingkatkan untuk jangka masa panjang.

"Bekas benih padi MR297 ini bakal digunakan para pesawah di kawasan seluas 1,385 hektar yang telah dibenarkan. Kita kini dalam proses ker-

jasama dengan pihak berke-

jasama untuk satu projek

yang akan dilaksanakan

dan banyak orang lain pada

ram pesawah dijangka mampu

menperoleh antara enam atau

lapan tan melalui pengujian

benih MR297.